

FAQS' (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> ?	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> merupakan satu aplikasi yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC)</i> menggunakan aplikasi <i>mobile</i> .
2.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan aplikasi ini?	Aplikasi ini boleh diakses dengan memuat turun aplikasi <i>SSM DCTC QR READER</i> ke telefon pintar dari <i>Google Play (Android)</i> atau <i>App Store (iOS)</i> .
3.	Adakah sebarang bayaran dikenakan bagi memperolehi aplikasi ini?	Tidak. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma.
4.	Bagaimanakah kaedah untuk menggunakan aplikasi ini?	(a) Klik ikon <i>SSM DCTC QR READER</i> yang terdapat pada telefon pintar

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		(b) Skrin utama seperti berikut akan dipaparkan (c) Klik <i>Tap Screen To Scan</i> untuk mengimbas QR Code; (d) Halakan kamera telefon pintar ke <i>QR Code</i> yang terdapat di bahagian bawah DCTC dokumen;

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		(e) Sekiranya imbasan berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan dipaparkan di skrin telefon pintar; dan (f) Pastikan salinan yang terpapar di dalam telefon pintar sama dengan dokumen yang dicetak.
5.	Mengapakah hasil imbasan QR Code memaparkan notifikasi <i>"CTC record is valid. The document is not available. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification"</i>?	Notifikasi ini akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM. Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak enquiry@ssm.com.my untuk tindakan lanjut.
6.	Mengapakah hasil imbasan QR Code memaparkan notifikasi <i>"CTC document generated with expired public key. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification."</i>	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh. Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak enquiry@ssm.com.my untuk tindakan lanjut.
7.	Mengapakah hasil imbasan QR Code memaparkan notifikasi <i>"Invalid CTC QR Code"</i>?	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya QR Code yang diimbis bukan dijana oleh SSM.

FAQS' (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i>	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i> merupakan satu sistem yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC)</i> menggunakan web.
2.	Bagaimanakah cara untuk menjadi pengguna kepada <i>web checker</i> ini?	(a) Buka internet browser dan taip https://ssm4u.com.my. (b) Klik "<i>REGISTER</i>" untuk daftar ID pengguna. (c) Klik "<i>SIGN IN</i>" dan masukkan user ID dan password sekiranya telah berdaftar di SSM4U. (d) Klik icon "<i>DCTC READER & CHECKER</i>". Skrin <i>Web Checker</i> akan dipaparkan.
3.	Bagaimanakah cara untuk membuat carian dokumen atau produk DCTC melalui <i>web checker</i> ini?	Apabila skrin <i>Web Checker</i> dipaparkan, isikan maklumat Nombor Siri dokumen DCTC SSM. (Cth: MY1911060833420 atau EI1911041607293) Pastikan ruangan "<i>I'm not a robot</i>" pada <i>reCAPTCHA</i> ditandakan dan klik butang "<i>Search</i>". Maklumat <i>reCAPTCHA</i> <i>wajib diisi</i>. Sekiranya berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan dipaparkan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi <i>"CTC record is valid. The document is not available. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification"</i> ?	Notifikasi ini akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM. Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak enquiry@ssm.com.my untuk tindakan lanjut.
5.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi <i>"CTC document generated with expired public key. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification."</i>	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh. Sebarang pertanyaan dan aduan, hendaklah dikemukakan kepada pihak enquiry@ssm.com.my untuk tindakan lanjut.
6.	Mengapakah hasil carian <i>Serial No.</i> memaparkan notifikasi <i>"Invalid Serial No"</i> ?	Notifikasi ini dipaparkan sekiranya <i>QR Code</i> yang diimbis bukan dijana oleh SSM.

Disediakan oleh:

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

11 November 2019